

**Muhyiddin Akan Hadiri Sidang Kemuncak D-8 2012 Di Pakistan**  
**Bernama**  
**20 November, 2012**

ISLAMABAD, 20 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, akan mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Sidang Kemuncak Kumpulan Membangun-8 (D-8) 2012 Ke-8 di Islamabad, Pakistan pada Khamis.

Muhyiddin dan delegasinya dijangka tiba di Pangkalan Tentera Udara Pakistan di Chaklala pada malam Rabu.

Beliau akan menghadiri sesi sidang kemuncak itu termasuk majlis menandatangani piagam D-8 kemudiannya dan dijadual berangkat balik ke Kuala Lumpur selepas majlis makan malam dengan delegasinya.

Tema sidang kemuncak itu, "Perkongsian Demokratik bagi Keamanan dan Kemakmuran", mendasari kepentingan demokrasi sebagai asas bagi mencapai keamanan dan kemakmuran bagi rakyatnya dan menggalakkan kerjasama dengan negara-negara membangun.

D-8 ialah sebuah organisasi bagi menggalakkan kerjasama pembangunan di kalangan lapan negara -- Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki.

D-8, yang ditubuhkan pada 15 Jun, 1997, adalah bertujuan untuk menambah baik kedudukan anggotanya dalam ekonomi dunia, mempelbagaikan dan mewujudkan peluang baharu dalam hubungan perdagangan, meningkatkan penyertaan dalam membuat keputusan di peringkat antarabangsa dan menyediakan standard hidup yang lebih baik.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710160>